



# MEMO

**RUJUKAN** : **PBKSB/MEMO/PROPERTY/VOL.2/1023/008**

**KEPADA** : **SEMUA PELANGGAN PBKSB**

**DARIPADA** : **PENGURUS HARTANAH**

**TARIKH** : **18 OKTOBER 2023**

**TAJUK** : **PENGUATKUASAAN LARANGAN MELETAKKAN BARANGAN LUAR KAWASAN SEWAAN**

---

MEMO bertarikh 3 Julai 2022 bertajuk **Larangan Meletakkan Barang Luar Kawasan Sewaan** dan memo-memo sebelumnya adalah dirujuk.

Setelah rondaan berkala dilakukan, pihak kami mendapati masih terdapat barang yang diletakkan di luar kawasan sewaan seperti di kaki lima gudang, bahu jalan dan lain-lain kawasan awam. Hal ini berisiko menyebabkan berlakunya kejadian yang tidak diingini seperti kemalangan, kerosakan pada harta benda, menghalang peralatan pemadam api dan ketidakharmonian dalam kalangan pelanggan.

Oleh yang demikian, pihak kami terpaksa mengambil tindakan serta merta memindahkan barang yang diletakkan di luar kawasan sewaan tersebut ke dalam *Common Yard* tanpa apa-apa notis berkuatkuasa dari tarikh memo ini dikeluarkan.

Syarikat pemilik barang yang terlibat perlu membayar mengikut kadar tarif semasa *Common Yard* sebelum dibenarkan mengeluarkan barang tersebut dari *Common Yard*. Segala kos jentera dan lain-lain kos yang terlibat untuk mengeluarkan barang tersebut ditanggung sepenuhnya oleh syarikat pemilik barang.

Untuk makluman, pihak kami juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan yang berlaku terhadap barang tersebut ketika proses pemindahan dilakukan.

Sekiranya pihak pelanggan memerlukan kawasan sewaan tambahan secara tetap mahupun sementara, bolehlah menghubungi pihak kami di talian 09-860 2222 sambungan kepada Jabatan Hartanah, PBKS.

Pihak kami turut mengingatkan para pelanggan supaya sentiasa mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang digunakan dalam Pangkalan Bekalan Petroleum Kemaman dari semasa ke semasa.

Kerjasama dan pematuhan pihak pelanggan terhadap arahan ini amatlah dihargai dan didahului jutaan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

**"KOMITED, SELAMAT, BERINTEGRITI"**



**ZAMRI BIN AWANG @ ABDUL GHANI**

Pengurus Hartanah  
Pangkalan Bekalan Kemaman Sdn. Bhd.

*S.K.*

1. Pengurus Besar, PBKS
2. Pengurus Kanan Operasi, PBKS
3. Pengurus Operasi, PBKS
4. Pengurus Keselamatan, PBKS
5. Pengurus Kewangan, PBKS